



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 26 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **9,372 kes** (853,913 kes kumulatif, 83.1%);
- Kes baharu : **14,516 kes** (1,027,954 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (1 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **14,513 kes** [11,480 warganegara (79.1%); 3,033 bukan warganegara (20.9%)];
- Kes aktif : **165,840 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,009 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **524 kes**;
- Kes kematian : **207 kes** (8,201 kes kumulatif, 0.80%; 184 warganegara, 23 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,485 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **33 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,480 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,005 kluster**.

Daripada **14,516 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak:

- **95 kes, 0.7 peratus (97.9% kes tiada sejarah vaksinasi)** adalah daripada kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan);
- **77 kes, 0.5 peratus (85.7% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen);
- **83 kes, 0.6 peratus (67.5% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 3 (radang paru-paru);
- **7,045 kes, 48.5 peratus (87.6% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 2 (bergejala ringan); dan
- **7,216 kes, 49.7 peratus (95.6% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 1 (tidak bergejala).

Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baru didiagnosa COVID-19. Ada di antara mereka kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan mereka sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, pada mula didiagnosa: 1.8% kes dilaporkan hari ini berada pada kategori 3-5 (84% tiada sejarah vaksinasi) dan 98.2% kes pada kategori 1 dan 2 (92% tiada sejarah vaksinasi). Didapati majoriti besar kes yang baharu didiagnosa COVID-19 iaitu 92% tidak mempunyai sejarah vaksinasi. Oleh itu, segeralah dapatkan vaksinasi agar anda dan keluarga terlindung daripada bahaya jangkitan COVID-19.

Kes kategori 1 dan 2 yang berisiko rendah dan mempunyai kediaman yang sesuai dibenar isolasi di rumah. Ini dapat membantu mengurangkan kesesakan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan hospital-hospital terutama di Lembah Klang. Oleh itu, kes-kes kategori 3-5 akan dimasukkan ke PKRC, wad-wad hospital dan juga Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital.

Oleh itu apabila dilihat senario di hospital-hospital, sememangnya pesakit kategori 3-5 jauh lebih tinggi peratusannya. Ini kerana kebanyakan pesakit kategori 1 & 2 diisolasi di rumah (berisiko rendah dan mempunyai kediaman yang sesuai/memenuhi syarat).

Sebanyak **207 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **57 kes** di Selangor, **52 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **24 kes** di Johor, **19 kes** di Kedah, **18 kes** di Melaka, **14 kes** di

Negeri Sembilan, **tujuh (7) kes** di Pahang, **enam (6) kes** di Sabah, **lima (5) kes** di Perak, **tiga (3) kes** di Pulau Pinang, dan **dua (2) kes** di Terengganu.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

### **KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$** **(STATUS SEHINGGA 25 JULAI 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **25 Julai 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak 1.15. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Terengganu (nilai  $R_T$  1.36) diikuti oleh Kedah (nilai  $R_T$  1.26) dan Sabah (nilai  $R_T$  1.24). Semua negeri mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis.

Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 Julai 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 26 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	6,508 (1)	373,977
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1,425	111,476
<b>JOHOR</b>	1,449	85,707
<b>SABAH</b>	720	80,190
<b>SARAWAK</b>	356 (1)	74,342
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	452	67,067
<b>PULAU PINANG</b>	402	42,499
<b>KELANTAN</b>	346	40,019
<b>KEDAH</b>	1,160 (1)	39,637
<b>PERAK</b>	590	34,509
<b>MELAKA</b>	373	28,467
<b>PAHANG</b>	386	21,773
<b>TERENGGANU</b>	245	14,563
<b>WP LABUAN</b>	8	9,607
<b>WP PUTRAJAYA</b>	94	3,461
<b>PERLIS</b>	2	660
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>14,516 (3)</b>	<b>1,027,954</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 207 kes kematian pada 26 Julai 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTINA		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
Selangor	57	42	15	52	5	56	1	45
WP Kuala Lumpur	52	31	21	42	10	50	2	37
Johor	24	10	14	20	4	20	4	17
Kedah	19	13	6	19	-	19	-	17
Melaka	18	6	12	18	-	16	2	13
Negeri Sembilan	14	8	6	14	-	14	-	13
Pahang	7	5	2	5	2	7	-	4
Sabah	6	3	3	4	2	4	2	4
Perak	5	4	1	5	-	5	-	5
Pulau Pinang	3	3	-	3	-	-	3	3
Terengganu	2	1	1	2	-	2	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>207</b>	<b>126</b>	<b>81</b>	<b>184</b>	<b>23</b>	<b>193</b>	<b>14</b>	<b>160</b>

\*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

\*\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\*\*\*BID merujuk kepada *Brought In Dead*

### LAMPIRAN 3

Perincian 14,516 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 26 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,508	84	2,926	1	3,497
JOHOR	1,449	600	602	-	247
WP KUALA LUMPUR	1,425	329	521	-	575
KEDAH	1,160	182	592	1	385
SABAH	720	226	331	-	163
PERAK	590	106	157	-	327
NEGERI SEMBILAN	452	127	243	-	82
PULAU PINANG	402	51	176	-	175
PAHANG	386	94	233	-	59
MELAKA	373	116	169	-	88
SARAWAK	356	31	282	1	42
KELANTAN	346	197	114	-	35
TERENGGANU	245	32	93	-	120
WP PUTRAJAYA	94	-	72	-	22
WP LABUAN	8	-	5	-	3
PERLIS	2	-	1	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>14,516</b>	<b>2,175</b>	<b>6,517</b>	<b>3</b>	<b>5,821</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 26 JULAI 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Industri Jalan Perdana	Tempat Kerja	Johor	Pontian	215	249
2	Taman Perindustrian Sinaran	Tempat Kerja	Johor	Kluang	67	129
3	Jalan Makmur Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	25	33
4	PLO Jalan Perak Tiga	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	11	51
5	Jalan Mahir Empat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	103
6	Jalan SILC Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	46
7	Industri Kesidang Lima	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	98	255
8	Industri Perusahaan Batu 20	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	22	25
9	Industri Jalan Haji Manan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	67	225
10	Gom Tujuh	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	24	50
11	Jalan Tatau-Selangau	Tempat Kerja	Sarawak	Tatau	18	224
12	Industri Perai 4A	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	32	500
13	Industri Jalan Pantai	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah	15	447
14	Tapak Bina Jalan Pelangi	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	69	226
15	Tapak Bina Jalan Conlay	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai dan Titivangsa	34	170

16	Tanah Mas Bidor	Tempat Kerja	Perak	Batang Padang	103	260
17	Industri Nilai Emas	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	83	422
18	Padang Limau Nipis	Tempat Kerja	Terengganu	Marang, Kuala Terengganu, dan Hulu Terengganu	40	246
19	Industri Simpang Gading	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah	22	483
20	Industri Batu 61	Tempat Kerja	Pahang	Jerantut	19	60
21	Kampung Tempoyak	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas dan Kota Bharu	9	17
22	Simpang Empat Panji	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu dan Tumpat	10	14
23	Lorong Yusof Bongsu	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	5	27
24	Jalan Aman Shah	Komuniti	Perak	Larut, Matang, dan Selama	17	28
25	Tanjung Medan	Komuniti	Perak	Kuala Kangsar dan Perak Tengah	14	51
26	Teratai Kulai	Komuniti	Johor	Kulai	39	95
27	Dah Ruat	Komuniti	Kedah	Yan	22	28
28	Lorong Haji Lamat	Komuniti	Melaka	Melaka Tengah	22	56
29	Jalan Merak Jengka Tujuh	Komuniti	Pahang	Maran	21	67
30	Bagan Tunjang	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	16	56
31	Jalan Delima Bintang	Komuniti	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	19	28
32	Dah Teluk	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di bawah KPM	Kedah	Kota Setar dan Padang Terap	38	63
33	Jalan Anggerik Panji	Pendidikan Lain	Kelantan	Kota Bharu	7	14

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 25 JULAI 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>TERENGGANU</b>	1.36
<b>KEDAH</b>	1.26
<b>SABAH</b>	1.24
<b>PULAU PINANG</b>	1.23
<b>KELANTAN</b>	1.22
<b>JOHOR</b>	1.20
<b>PERAK</b>	1.19
<b>SELANGOR</b>	1.16
<b>PAHANG</b>	1.13
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.13
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.12
<b>MELAKA</b>	1.06
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.03
<b>SARAWAK</b>	1.02
<b>WP LABUAN</b>	0.70
<b>PERLIS</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.15</b>